

Headline	Harga jatuh kerana lambakan buah, bukan masalah eksport ke China		
MediaTitle	Kosmo		
Date	07 Jul 2018	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	3	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	131 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,400
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,200



Harga jatuh kerana lambakan buah, bukan masalah eksport ke China

KUALA LUMPUR - Pemangku Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Mohd. Anis Mohd. Yasin berkata, penurunan drastik harga buah durian sejak dua minggu lalu berlaku kerana lambakan buah tersebut di pasaran bukannya masalah eksport ke negara China.

Katanya, musim Raja Buah itu kebiasaananya adalah dari bulan Jun hingga Ogos dan pada waktu itu memang berlaku lebih banyak buah durian dari ladang-ladang di negeri Johor, Pahang, Kedah dan Perak.

"Pada musim pengeluaran buah kebiasaananya harga durian akan sedikit jatuh," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Bagaimanapun, Mohd. Anis menolak dakwaan bahawa pengeksportan buah durian ke negara China menghadapi masalah sehingga menyebabkan banyak durian di pasaran Malaysia.

"Eksport buah durian ini akan berterusan seperti biasa kerana buah-buahan yang dibeli boleh disimpan untuk dieksport apabila berahirnya musim durian."

"Selain itu, buah yang disimpan juga boleh digunakan sebagai produk hiliran bagi pembuatan makanan berasaskan isinya seperti penghasilan kek bulan, aiskrim dan sebagainya," ujarnya.

Menurut Mohd. Anis, trend kejatuhan harga itu dikatakan akan berlanjutan selama sebulan sebelum harga penjualannya kembali seperti biasa.

